



BERITA SEMASA JABATAN

NAMA JABATAN : JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

BENGGEL PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015, MAJLIS DAERAH PEKAN

17 – 19 JANUARI 2018
KELAB GOLF DIRAJA PEKAN

**YANG DIPERTUA, SETIAUSAHA, SEMUA KETUA JABATAN, SEMUA KETUA BAHAGIAN DAN
PEMBANTU TADBIR**

Bengkel ini telah dihadiri seramai 34 orang kakitangan yang melibatkan Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan beberapa orang pembantu tadbir yang terlibat secara langsung berkaitan pelaksanaan MS ISO 9001:2015. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha Majlis Daerah Pekan, Tuan Haji Mohd Ali bin Mohd Amin mewakili Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Pekan yang terpaksa menghadiri urusan kerja di Putrajaya.

Hari pertama merupakan taklimat kesedaran MS ISO 9001:2015 di mana semua yang terlibat dengan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 hendaklah mengikuti taklimat ini bagi melayakkan pegawai dan kakitangan untuk menjadi pasukan auditor MS ISO 9001:2015. Taklimat telah diberikan oleh Puan Nurul Fazara binti Ab Rashid, wakil daripada SIRIM STS Sdn. Bhd. Taklimat ini memberi penerangan tentang peralihan yang perlu dilaksanakan oleh jabatan untuk melaksanakan MS ISO 9001:2015. Pegawai dan kakitangan juga diberi pendedahan tentang perbezaan dan penambahbaikan di dalam sistem kualiti yang terbaru ini.

Pada hari kedua dan ketiga merupakan bengkel pelaksanaan di mana semua jabatan dan bahagian menyemak semula prosedur sedia ada. Pegawai dan kakitangan mendapat tunjuk ajar dan bantuan oleh pihak konsultan dalam menambahbaik prosedur sedia ada supaya menepati keperluan MS ISO 9001:2015. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Setiausaha Majlis Daerah Pekan, Tuan Haji Mohd Ali bin Mohd Amin pada jam 5:00 petang. Pihak Majlis Daerah Pekan berpuas hati dengan bimbingan daripada pihak konsultan dan majlis bersurai.





Disediakan Oleh

.....

Disahkan Oleh

.....